



DEWAN PERHIMPUNAN CHINA KUALA LUMPUR DAN SELANGOR  
吉隆坡暨雪蘭莪中華大會堂  
*The Kuala Lumpur And Selangor Chinese Assembly Hall*

## **Kenyataan Media Bersama**

Selamat pagi rakan-rakan media dan rakan-rakan dalam masyarakat sivil.

Pada hari ini, bersempena ulang tahun ke-8 peristiwa “509”, kami selaku pihak-pihak yang bertandatangan mengadakan sidang media ini untuk bersama-sama menilai keadaan politik semasa negara, di samping mengumumkan langkah penting yang akan kami ambil seterusnya.

Pada 9 Mei 2018, Pilihan Raya Umum ke-14 telah mencipta sejarah apabila berlakunya pertukaran kerajaan buat pertama kalinya di peringkat Persekutuan sejak kemerdekaan negara. Peristiwa tersebut turut menandakan bermulanya lembaran baharu dalam perjalanan demokrasi negara. Peralihan kuasa yang berlangsung secara aman dan demokratik membuktikan bahawa Malaysia mula keluar daripada landskap politik yang sekian lama didominasi oleh satu gabungan politik yang sama. Perkembangan tersebut juga membuktikan bahawa tekanan dan tuntutan reformasi yang digerakkan masyarakat sivil selama ini akhirnya berjaya mencetuskan perubahan ketara dalam landskap politik negara.

Namun demikian, pertukaran kerajaan tidak bermakna proses reformasi institusi telah berakhir. Dalam tempoh lapan tahun yang lalu, landskap politik negara terus melalui pelbagai ketidaktentuan — daripada “Langkah Sheraton” pada awal tahun 2020 yang mencetuskan pertukaran kerajaan, sehinggalah krisis pandemik COVID-19 yang membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan pengisytiharan darurat.

Kini, Malaysia pula memasuki era kerajaan perpaduan yang menyaksikan persaingan serta kerjasama antara pelbagai parti politik dalam satu kerangka politik baharu. Semua perkembangan ini menunjukkan bahawa Malaysia masih berada dalam fasa peralihan



DEWAN PERHIMPUNAN CHINA KUALA LUMPUR DAN SELANGOR

吉隆坡暨雪蘭莪中華大會堂

*The Kuala Lumpur And Selangor Chinese Assembly Hall*

demokrasi yang belum matang. Walaupun berlaku perubahan dalam susunan politik, pembaharuan terhadap struktur pentadbiran dan budaya politik negara masih belum dilaksanakan secara menyeluruh.

Apa yang lebih membimbangkan, pelbagai reformasi institusi yang sekian lama dituntut rakyat masih belum dilaksanakan secara menyeluruh dan meyakinkan. Antaranya termasuk pemisahan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya, pemerksaan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, penggubalan undang-undang pembiayaan politik, pengukuhan kebebasan institusi awam, serta mekanisme semak dan imbang terhadap kuasa eksekutif. Pada masa yang sama, isu kaum dan agama masih terus dieksploitasi sebagai modal politik manakala budaya naungan politik serta kronisme masih terus menebal dalam budaya politik negara. Keadaan ini akhirnya menyebabkan semakin ramai rakyat mula hilang keyakinan terhadap usaha reformasi negara.

Apa yang lebih membimbangkan ketika ini bukan lagi sekadar persaingan politik antara parti, tetapi sikap semakin apatis terhadap politik dan proses demokrasi dalam kalangan masyarakat. Semakin ramai rakyat mula hilang minat terhadap urusan awam, hilang kepercayaan terhadap politik, dan semakin tawar hati terhadap proses reformasi. Sebahagian perbahasan awam pula semakin menjauh daripada wacana rasional, sebaliknya semakin dipengaruhi sentimen populis, polemik emosi dan penyebaran maklumat yang tidak tersusun. Isu-isu institusi yang sepatutnya dibahaskan secara matang sering dipermudah menjadi polemik politik yang murahan, manakala ruang awam pula semakin dipengaruhi budaya media sosial yang lebih mengutamakan sensasi dan reaksi segera.

Sekiranya keadaan ini terus berlarutan, ia akan memberi kesan yang lebih mendalam terhadap perkembangan demokrasi negara.

Krisis terbesar dalam demokrasi bukanlah kewujudan perbezaan pandangan, tetapi apabila rakyat mula berputus asa untuk mengambil



DEWAN PERHIMPUNAN CHINA KUALA LUMPUR DAN SELANGOR  
吉隆坡暨雪蘭莪中華大會堂  
*The Kuala Lumpur And Selangor Chinese Assembly Hall*

bahagian dalam urusan negara. Apabila rakyat semakin menjauhkan diri daripada politik akibat rasa kecewa dan hilang harapan, keadaan sebegini akhirnya hanya menguntungkan ahli politik oportunistik yang bergantung pada sentimen perkauman, retorik populis serta keadaan rakyat yang semakin menjauh daripada politik demi mengekalkan pengaruh mereka.

Kita harus sedar bahawa pembinaan demokrasi tidak berakhir hanya dengan satu pilihan raya. Peristiwa “509” pada tahun 2018 hanyalah titik permulaan yang membuka ruang kepada reformasi, bukannya jaminan bahawa reformasi itu akan berlaku secara automatik. Masa depan Malaysia tetap bergantung kepada sejauh mana masyarakat sivil terus berperanan untuk mengambil bahagian, menjalankan pemantauan serta mendesak reformasi institusi secara berterusan.

Dalam suasana politik semasa, masyarakat sivil juga perlu kembali membina ruang wacana awam yang lebih sihat dan matang. Hari ini, perbincangan awam terlalu dipengaruhi oleh emosi dan maklumat bersifat ringkas, sedangkan perbahasan mengenai pembinaan institusi dan hala tuju negara semakin terpinggir. Tanpa budaya perbincangan awam yang rasional dan mendalam, demokrasi akhirnya hanya akan terhenti pada mobilisasi emosi tanpa benar-benar membina budaya demokrasi yang matang dan sihat.

Sehubungan itu, kami akan menganjurkan sebuah forum awam pada pertengahan bulan Julai tahun ini dengan menghimpunkan para akademik, penganalisis politik, wakil pertubuhan masyarakat sivil serta orang ramai bagi membincangkan cabaran demokrasi, masalah institusi dan hala tuju reformasi negara pada masa hadapan.

Penganjuran forum ini bukan bertujuan menyokong mana-mana parti politik, sebaliknya untuk mengembalikan fokus perbincangan masyarakat kepada isu reformasi institusi dan pembinaan negara. Dalam keadaan demokrasi yang semakin berdepan dengan sikap



DEWAN PERHIMPUNAN CHINA KUALA LUMPUR DAN SELANGOR  
吉隆坡暨雪蘭莪中華大會堂  
*The Kuala Lumpur And Selangor Chinese Assembly Hall*

apati dan polarisasi sosial, masyarakat sivil tidak boleh berundur, apatah lagi kehilangan tekad untuk terus memperjuangkan reformasi.

Maklumat lanjut mengenai barisan panel, tarikh dan lokasi forum akan diumumkan dalam masa terdekat. Justeru, kami berharap semua pihak dapat terus mengikut perkembangan ini.

Sempena ulang tahun kelapan “509”, kami menyeru seluruh rakyat Malaysia agar tidak berputus asa terhadap usaha reformasi hanya kerana ia mengambil masa yang lebih lama daripada yang dijangkakan. Perjalanan demokrasi negara sememangnya penuh dengan cabaran dan liku, namun hanya melalui penglibatan berterusan rakyat dalam urusan awam, pemantauan terhadap kuasa, serta pelaksanaan tanggungjawab sebagai pengundi, Malaysia mampu mengelakkan kemunduran politik daripada berulang kembali.

Oleh itu, kami juga menyeru rakyat supaya terus keluar mengundi secara aktif dalam pilihan raya negeri serta Pilihan Raya Umum ke-16 yang akan datang demi mempertahankan pencapaian demokrasi yang telah dibina dengan penuh usaha dan pengorbanan.

Laungan Demokrasi bukan sekadar wujud ketika musim pilihan raya, tetapi merupakan satu proses jangka panjang yang menuntut kesabaran, penyertaan dan kesedaran rakyat. Hanya dengan penyertaan rakyat yang berterusan, agenda reformasi negara mempunyai harapan untuk terus bergerak ke hadapan.

Sekian.

#### **Pertubuhan Masyarakat Sivil:**

1. Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur Dan Selangor (KLSCAH)
2. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)
3. BERSIH
4. Gabungan Bertindak Malaysia (GBM)

*No.1, Jalan Maharajalela, 50150 Kuala Lumpur, Malaysia.*

**Tel:** 03-2274 6645 **Website:** [www.klscah.org.my](http://www.klscah.org.my) **Email:** [secretariat@klscah.org.my](mailto:secretariat@klscah.org.my)

**Facebook:** [www.facebook.com/klscah](http://www.facebook.com/klscah)